

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI
PERAK**



Semua Ketua Jabatan/
Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan
Semua Penguasa Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK
BIL. 5 TAHUN 2008**

**KAEDAH PEMBAYARAN SECARA EFT
(PEMINDAHAN WANG SECARA ELEKTRONIK)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pembayaran secara EFT bagi semua jenis tuntutan bayaran. Dengan ini proses pembayaran secara EFT ini dapat berjalan dengan lancar dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu pembuat bayaran dan penerima bayaran.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Mulai tahun 2006, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembayaran secara EFT untuk semua jenis tuntutan kecuali pembayaran gaji melalui Sistem Gaji.
- 2.2 Dengan menggunakan kaedah pembayaran secara EFT ini, wang akan terus di kredit ke akaun penerima bayaran. Ini dapat mempercepatkan proses bayaran kerana masa perjalanan pos cek bayaran kepada penerima dapat dielakkan.

2.3 Namun begitu masih terdapat Jabatan/PTJ yang tidak membuat pembayaran secara EFT dengan sepenuhnya. Begitu juga beberapa masalah telah dikenal pasti yang membawa kepada ketidaklancaran proses pembayaran secara EFT di jabatan/PTJ.

3. PERATURAN PEMBAYARAN SECARA EFT

3.1. Semua pembayaran hendaklah dibuat secara EFT, **kecuali** pembayaran berikut:-

3.1.1 Sumbangan/bantuan kewangan yang memerlukan penyampaian dibuat oleh pihak tertentu;

3.1.2 Rekupan panjar wang runcit;

3.1.3 Pembayaran kepada KWSP; dan

3.1.4 Bayaran balik deposit/wang ikat jamin kepada penerima yang tiada akaun bank sahaja.

3.2 Sila pastikan **nombor akaun bank, kod bank dan nama bank** dinyatakan dengan betul bagi mengelak pihak bank menolak pembayaran tersebut. Senarai bank yang boleh menerima pembayaran secara EFT adalah seperti di Lampiran A.

3.3 Bagi menghindari pembayaran EFT ditolak oleh bank, setiap Jabatan/PTJ hendaklah memastikan perkara-perkara berikut **tidak berlaku:-**

- 3.3.1 Nombor akaun bank salah;
 - 3.3.2 Penggunaan kod bank yang salah;
 - 3.3.3 Akaun bank tidak aktif/telah tutup/ dibekukan;
 - 3.3.4 Jumlah digit akaun bank terkurang atau terlebih;
 - 3.3.5 Terdapat ruang kosong di antara nombor akaun bank yang dicatat;
 - 3.3.6 Nama penerima bayaran tidak sama seperti di penyata bank;
 - 3.3.7 Menggunakan Akaun Pinjaman Bank Rakyat;
 - 3.3.8 Akaun bank warganegara asing; dan
 - 3.3.9 Perihal bayaran tiada/kosong.
- 3.4 Pastikan setiap borang daftar pembekal yang dikemukakan ke Unit Komputer, Pejabat Kewangan Negeri disertakan bersama salinan muka surat pertama penyata bank atau buku bank. Ini kerana semua maklumat berkaitan pembekal/kontraktor dimasukkan secara automatik ke dalam baucar bayaran dan seterusnya dapat mengelak dari berlaku kesilapan mengunci masuk akaun bank penerima bayaran.
- 3.5 **Penyata bank penerima** akan tertera nombor EFT dan juga perihal bayaran. Walau bagaimanapun, perihal yang dinyatakan terhad kepada **20 aksara** sahaja. Oleh itu, kunci masuk pernyataan yang tepat di perihal bayaran adalah penting bagi memudahkan penerima bayaran mengenal pasti bayaran yang diterima. Berikut merupakan butiran yang perlu dinyatakan di perihal bayaran untuk beberapa jenis pembayaran seperti berikut:-

3.5.1 Bayaran kepada pembekal:

- a) Nombor invois pembekal;
- b) Singkatan nama Jabatan/PTJ

Contoh perihal: C16665 JKR Kuala mencetak borang.

3.5.2 Bayaran bagi tuntutan perjalanan/elaun lebih masa dan lain-lain elaun:

- a) Jenis elaun;

b) Bulan tuntutan yang dibayar;

Contoh perihal : ELM Jun 2008 atau T&T Jun 2008

3.5.3 Bayaran bagi utiliti (contoh: TNB, Telekom, Syarikat Telekomunikasi):

a) Nombor akaun pelanggan;

b) Singkatan Jabatan/PTJ

Contoh perihal:

000145000211212 JKR Kinta bil elektrik Jun 2008

F10146-344-1710/014 (kod hasil) SUK PSM Telekom Jun 2008.

3.5.4 Bayaran minyak diesel dan petrol (contoh: Petronas Smartpay dan Superkad Service Sdn. Bhd):

a) Nombor akaun pelanggan;

b) Singkatan Jabatan/PTJ

Contoh perihal: A/k no. 021456 Pej. Haiwan Tapah minyak Jun 2008.

3.5.5 Bayaran Tol (contoh : Touch N Go):

a) Nombor kad Touch N Go;

b) Singkatan Jabatan/PTJ

Contoh : 3008250454 JPS Taiping

3.6 **Bayaran secara pukal** ialah satu baucar dikeluarkan untuk bayar banyak bil tuntutan kepada pembekal/kontraktor yang sama. Contohnya seperti bayar 10 bil tiang elektrik TNB. Bagi kes seperti ini Jabatan/PTJ mempunyai 2 pilihan untuk menulis perincian perihal bayaran tersebut iaitu:

- 3.6.1 Jika akaun pelanggan mempunyai nombor berturutan. Contohnya 3 akaun TNB yang bernombor 00014500021201, 00014500021202 dan 00014500021203 bagi maka perihal boleh dinyatakan seperti ini: 00014500021201- 203 MD Kerian TNB Jun 2008.
- 3.6.2 Jika akaun pelanggan tidak berturutan nombor akaunnya, maka Jabatan/PTJ boleh memecahkan baucar bayaran tersebut mengikut akaun pelanggan (seperti perenggan 3.6.3) atau menghantar maklumat bayaran tersebut secara faks atau surat kepada pihak pembekal. Pastikan maklumat tersebut diterima oleh pihak yang betul.
Contoh perihal: SUK BTM bayaran telekom Jun 2008
(maklumat invoice dan akaun pelanggan akan difakskan).

4. MAKLUMAN PEMBAYARAN

- 4.1 Makluman pembayaran EFT akan dihantar secara e-mel oleh pejabat ini kepada semua Jabatan/PTJ selepas penghantaran EFT ke bank dibuat. Adalah menjadi tanggungjawab kepada Jabatan/PTJ untuk mengedarkan maklumat pembayaran tersebut kepada penerima bayaran dengan kadar segera.
- 4.2 Penerima-penerima bayaran boleh mengetahui status tuntutan bayaran mereka di *Portal Rasmi Pejabat Kewangan Negeri Perak* yang beralamat <http://kewangan.perak.gov.my/>. Seterusnya penerima bayaran dikehendaki mengklik bahagian **Semakan Status EFT** yang ada di portal tersebut. Maklumat status EFT ini terhad kepada pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi **tempoh 6 bulan**. Aplikasi **semakan status EFT** ini akan mula beroperasi pada **1 Ogos 2008**.

- 4.3 Pihak Jabatan/PTJ adalah diminta untuk memaklumkan laman web ini kepada semua penerima bayaran. Semua penerima bayaran adalah disarankan untuk mendaftar sebagai pengguna laman ini bagi memudahkan mereka mengetahui status pembayaran mereka. Dengan hanya sekali daftar, maklumat tuntutan bayaran akan di hantar ke e-mel mereka setiap kali pembayaran telah selesai diproses.
- 4.4 Bermula dari **1 Ogos 2008** ini, makluman pembayaran EFT tidak akan dihantar lagi kepada Jabatan/PTJ menggunakan e-mel seperti sebelum ini. Jabatan/PTJ boleh mencetak makluman pembayaran tersebut melalui laman web yang telah dinyatakan.


5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HAJI AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

8 Ogos 2008

- s.k Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan
- Pengarah Audit Negeri
Perak Darul Ridzuan
- Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan